



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**6 NOVEMBER 2021**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 569 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 221,344 kes. Sebanyak tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Keningau dan Kudat manakala masing-masing satu (1) kes di Beaufort, Lahad Datu dan Ranau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 582 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 210,014 orang. Manakala 1,840 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 747 orang di hospital, 1,081 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 12 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 74 orang di ICU/repurposed kritikal dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 86 (47.89%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Merah 23 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes harian negeri Sabah bertambah (+15) kes daripada (554) kes semalam kepada (569) hari ini. Ini berpunca daripada kenaikan kes baharu yang agak tinggi di Kota Marudu (+28) kes, Beaufort (+30) kes dan Kudat (+15) kes.
- b. Kes-kes yang diperolehi melalui Saringan Bergejala kekal tinggi, yakni 36.9% daripada jumlah keseluruhan. Kes-kes sporadik ini yang sering dikaitkan dengan kegagalan mematuhi SOP berlaku dalam peratusan yang tinggi di daerah-daerah seperti Kota Kinabalu, Keningau, Tawau, Sandakan dan Beaufort.
- c. Jumlah pesakit dalam kategori serius yang memerlukan rawatan di hospital kekal rendah. Hari ini cuma ada dua (2) orang pesakit dalam Kategori 3, empat (4) pesakit dalam Kategori 4 dan dua (2) orang pesakit dalam Kategori 5. Sejumlah 580 orang (atau 97%) pesakit daripada (569) kes hari ini adalah dalam Kategori 1 (70) kes dan Kategori 2 (480) kes. JKNS masih membuat siasatan lanjut keatas (11) kes.
- d. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (315) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	210	36.91%
3	Kontak	315	55.36%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	44	7.73%
<b>JUMLAH</b>		<b>569</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (05 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 05/11/2021	Catatan Kes 06/11/2021	Perbandingan
1	Beaufort	17	47	+30
2	Kota Marudu	24	52	+28
3	Telupid	5	21	+16
4	Kudat	15	30	+15
5	Pitas	18	27	+9
6	Tawau	13	19	+6
7	Lahad Datu	13	18	+5
8	Keningau	15	19	+4
9	Sandakan	6	9	+3
10	Tongod	0	2	+2
11	Penampang	32	32	Mendatar
12	Nabawan	3	3	Mendatar
13	Kalabakan	0	0	Mendatar
14	Kota Kinabalu	76	58	-18
15	Papar	27	10	-17
16	Kinabatangan	18	4	-14
17	Beluran	13	3	-10
18	Tambunan	32	25	-7
19	Kota Belud	59	53	-6
20	Putatan	21	15	-6
21	Ranau	58	53	-5
22	Tuaran	47	42	-5
23	Sipitang	9	4	-5
24	Kuala Penyu	8	3	-5
25	Kunak	3	1	-2
26	Semporna	3	1	-2
27	Tenom	19	18	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>554</b>	<b>569</b>	<b>+15</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (23 Oktober – 05 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	29	22	0	7	58	825
Kota Belud	0	26	25	0	2	53	734
Ranau	0	35	11	0	7	53	719
Kota Marudu	0	25	26	0	1	52	519
Beaufort	0	25	20	0	2	47	503
Tuaran	0	34	8	0	0	42	467
Penampang	0	26	5	0	1	32	364
Kudat	0	11	16	0	3	30	285
Pitas	0	18	9	0	0	27	244
Tambunan	0	16	5	0	4	25	278
Telupid	0	15	5	0	1	21	134
Keningau	0	9	9	0	1	19	345
Tawau	0	8	9	0	2	19	217
Tenom	0	8	9	0	1	18	358
Lahad Datu	0	13	5	0	0	18	228
Putatan	0	2	8	0	5	15	177
Papar	0	4	6	0	0	10	291
Sandakan	0	2	5	0	2	9	175
Kinabatangan	0	1	2	0	1	4	255
Sipitang	0	4	0	0	0	4	141
Beluran	0	0	1	0	2	3	145
Kuala Penyu	0	3	0	0	0	3	71
Nabawan	0	1	2	0	0	3	60
Tongod	0	0	2	0	0	2	30
Semporna	0	0	0	0	1	1	34
Kunak	0	0	0	0	1	1	34
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	10
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>315</b>	<b>210</b>	<b>0</b>	<b>44</b>	<b>569</b>	<b>7,643</b>

6 Tiada **kluster baharu** dilaporkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,102 unit

- Hospital 1,825 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,807 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.15%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 6 NOVEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	566
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>569</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	556
Bukan Malaysia	13
<b>Jumlah</b>	<b>569</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	102
Belum Menerima Vaksin	98
Menerima 1 Dos	5
Lengkap 2 Dos	364
<b>Jumlah</b>	<b>569</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1 to 5	39
6 to 11	56
12 to 17	20
18 to 25	87
26 to 59	289
>60	71
<b>Jumlah</b>	<b>569</b>

**C PERALIHAN NEGERI SABAH KE FASA 4 PELAN PEMULIHAN NEGARA**

Kerajaan Negeri Sabah melalui sidang mesyuaratnya bersetuju untuk Negeri Sabah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara berdasarkan nilai ambang yang telah dipenuhi bermula 08 November 2021. SOP terperinci akan menyusul kemudian.

**D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 05 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,816 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,069 orang adalah penduduk dewasa dan 3,747 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 05 November 2021 adalah seramai 2,429,632 orang. Ini meliputi 2,099,416 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.11% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,355,509 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,064,989 orang atau 74.86% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 330,216 orang atau 76.09% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 290,520 atau 66.94% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **670,875** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 11,768 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 50 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 159 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,038 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Pada hari ini sebelas (11) kompaun telah dikeluarkan oleh Majlis Daerah Penampang. Tujuh (7) kompaun dikeluarkan kepada pengunjung premis atas kesalahan gagal mematuhi penjarakan fizikal, satu (1) kompaun kepada pemilik premis kerana gagal memastikan pelanggan mendaftar sebelum memasuki premis perniagaan, dua (2) kompaun dikeluarkan kepada pekerja kerana tidak memakai pelitup muka di dalam premis perniagaan dan satu (1) kompaun dikeluarkan kepada pemilik premis atas kesalahan gagal memastikan pekerja memakai pelitup muka dalam premis perniagaan. Tiada notis dikeluarkan pada hari ini.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 220 premis perniagaan dan 249 individu di 18 kawasan.Tada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 318 Premis Perniagaan melibatkan 185 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 147 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 60 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 85 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tuaran	98.5%
2	Kunak	98.5%
3	Beaufort	98.5%
4	Lahad Datu	98.5%
5	Kinabatangan	98.5%
6	Tawau	98.5%
7	Ranau	98.5%
8	Semporna	98.5%
9	Sipitang	98.5%
10	Penampang	98.5%
11	Beluran	98.5%
12	Tenom	98.5%
13	Kota Kinabalu	98.5%
14	Sandakan	98.5%
15	Keningau	98.5%
16	Papar	98.5%
17	Kota Marudu	98.5%
18	Kudat	98.5%
19	Kota Belud	98.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**